# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 47 | RABU 22HB NOBEMBER, 1978. | 1398 رابو 21 ذوالحجة | PERCHUMA




## Pengorniaan DYMM kpd Pegawai AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah mengorniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (S.L.J.) kapada Major Malcolm Dale dari Askar Melayu Diraja Brunei di-satu istiadat pengorniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Brunei yang di-langsongkan di-Istana Darul-Hana pada petang hari Selasa lepas.

Major Dale ada-lah sa-orang jurutera di-bahagian kejuruteraan pasokan tersebut.

Sementara itu, Leftenan Zainal bin Harun dari chawangan udara pasokan itu telah menerima Lenchana Penerbangan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-istiadat yang sama.

Antara yang hadhir di-istiadat itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir dan lain2 orang kenamaan serta pegawai2 pasokan itu yang di-ketuai oleh Pegawai Pemerentah, Brigadier Dato Norman Robert.

GAMBAR di-sebelah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang mengalongkan bintang tersebut kapada Major Malcolm Dale, sementara gambar kanan menunjokkan Baginda Yang Dipertuan sedang menyematkan Lenchana Penerbangan kapada Leftenan Zainal.



## RINTANGAN, KEKURANGAN PERSATUAN BOLASEPAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah sama2 kita sedari bahawa ternyata berbagai rintangan dan kekurangan sedang di-hadapi oleh Persatuan2 Bolasepak di-Brunei ini, terutama dengan tiada mempunyai kemudahan2 dan padang2 permainan yang chukop.

Akan tetapi, di-uchapkan setinggi2 tahniah atas keazaman Persatuan Bolasepak Amator Brunei (BAFA), kerana usaha2-nya demi memaju dan mengembangkan serta juga untok mengketengahkan belia2 di-negeri ini dalam perlawanan2 bolasepak antarabangsa. Atas usaha BAFA pada menjalankan seminar bolasepak ini ju-

Lihat muka 16

## *Akitek Brunei Moden di-raikan*

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin selaku Colonel-in-Chief Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei tahun ini telah menerima satu penghormatan dari Pasokan AMDB dalam menyambut Hari Puja Usia yang ke-62 tahun.

Duli Yang Teramat Mulia yang mendapat julokan selaku AKITEK BRUNEI MODEN telah di-raikan di-dalam majlis yang penoh gemilang di-Markas Pasokan Angkatan Laut Pertama di-Muara.

Kelihatan dalam gambar bawah Duli Yang Teramat Mulia itu dengan di-bantu oleh Pegawai Pemerentah Pasokan AMDB, Brigadier Dato Norman Robert dengan penoh senyum simpul sedang memotong kek Hari Jadi.

(Berita dan liputan lanjut di-siarkan di-Muka 6 dalam PERWIRA WATAN).

## DYMM berangkat ka-P'khemahan Tutong

TUTONG—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei di-sini untok menghadhiri Majlis Jamuan pada malam Sabtu, 18hb Nobember yang baru lalu.

Keberangkatan Baginda ka-Perkhemahan itu telah juga di-sertai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Menyambut ketibaan rombongan Diraja malam itu ia-lah Pegawai Pemerentah AMDB, Brigadier Dato Norman Robert dan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua AMDB Lt Kol Avens.

Hadhir bersama di-Majlis Jamuan tersebut termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Majlis itu juga telah di-serikan dengan persembahan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-bawah pimpinan Lt Manaf bin Haji Khamis.

## Untok elak Banjir

KUALA BELAIT. — Lembaga Bandaran Belait sedang giat melaksanakan projek menimbok tanah2 rendah di-sepanjang antara jalan Seria/Belait dari batu satu hingga batu empat.

Tujuan projek itu di-laksanakan ia-lah untok menghalang jalan2 tersebut dari di-banjiri oleh ayer dan mengelakkan-nya dari berkeadaan lichak saperti yang selalu terjadi sebelum-nya.

Projek itu di-usahakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya dan kerja2 itu di-jangka siap dalam bulan Disember ini.

Lembaga Bandaran baru2 ini telah pun meluaskan kawasan yang di-bawah kuasa-nya untok menyempurnakan lagi keadaan sekitar-nya dan mengawal supaya kawasan2 yang di-luaskan itu juga akan sentiasa terpelihara dari semua segi yang di-pertanggong-jawabkan kapada-nya termasok-lah segi kebersihan.



Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

1HB NOBEMBER, 1978

# TINGKAT KEMAKMORAN YANG LEBEH TINGGI

KEJAYAAN Brunei menchapai kelebehan dalam imbangan bayaran yang di-perolehi dari hasil perdagangan antarabangsa di-sepanjang jangka waktu enam bulan pertama tahun ini, jelas memperlihatkan bahawa negara dan kerajaan begitu mampu untok meningkatkan kemakmoran yang sedia ada kapada lebeh baik lagi dari sa-tahun ka-setahun tanpa aral dan gundala-nya.

Kemampuan yang di-perlihatkan itu juga bermakna kerajaan menerusi kebijaksanaan dari tenaga2 yang di-pertanggong-jawabkan di-dalam-nya, benar2 mengutamakan kepentingan raayat dan keperluan negara yang sa-bahagian besar-nya di-dorong oleh jaminan yang sedia ada dari segi keutohan keselamatan yang sentiasa terjamin.

Pun demikian dengan kejayaan itu juga, memang wajar raayat dan pendudok negeri ini sangat2 berterima kaseh kapada kebijaksanaan pimpinan Kerajaan Baginda kerana ia-nya dapat meletakkan nilai mata wang negara kita begitu terjamin dan kukoh di-pertukaran luar sejajar dengan nilai mata wang asing yang kita perolehi dari perdagangan antarabangsa itu.

Dengan kekukohan itu, kebimbangan tidak begitu menguasai kita sekalipun keadaan dunia ketika ini begitu tenat dengan keriuhan inflasi yang mengancham dunia perdagangan antarabangsa sa-hingga mengakibatkan turun naik beberapa nilai mata wang asing yang menjadi pertukaran utama perdagangan dunia.

Kestabilan nilai mata wang kita di-perdagangan dunia itu jelas jaminan yang kita perolehi dari lebehan imbangan bayaran perdagangan antarabangsa yang semakin meningkat. Pada tahun 1977 nilai impot yang kita lakukan dengan pengaliran jumlah mata wang kita keluar negeri berjumlah $322 juta sedangkan pengaliran masok jumlah mata wang asing dari hasil ekspot ia-lah $1,746 juta (melebehi $1,424 juta dari impot).

Ini bermakna walaupun negara kita sa-bagai sabuah negara yang maseh memerlukan bekalan beberapa jenis barangan luar negeri namun kita memperolehi kelebehan dagang yang hampir kapada 4½ kali ganda dari jumlah yang kita belanjakan.

Kelebehan yang berlipat ganda juga tetap kita perolehi juga tahun ini di-samping kita berjaya mengurangkan jumlah impot berbanding dengan tahun 1977.

Nilai impot tahun ini di-chatetkan sa-bagai berjumlah sa-banyak $301 juta (kurang $21 juta dari tahun 1977), manakala nilai ekspot berjumlah $2,060 juta (lebeh $314 juta dari tahun 1977) dengan lebehan imbangan bayaran sa-banyak $1,759 juta ia-itu berlebehan sa-banyak $335 juta dari nilai tahun lalu.

Tidak shak lagi kelebehan yang kita perolehi itu ada-lah berpuncha dari hasil ekspot Gas Chechair Asli yang negara kita juga merupakan salah sa-buah pembekal utama di-pasaran dunia terutama di-Jepun dengan nilai sa-banyak $675 juta (lebeh $328 juta dari tahun lalu) dan nilai ekspot dari lain2 hasil minyak mentah berjumlah $81 juta (lebeh $32 juta dari 1977), sementara nilai ekspot dari minyak mentah berkurangan sedikit sa-banyak 3.9 peratus dari tahun lalu ia-itu $1,279 juta sahaja tahun ini.

Mudah2an dari apa yang telah kita perolehi itu hendak-nya raayat dan pendudok negeri ini tidak begitu mudah mengorak senyum kemenangan tanpa memikirkan bahawa di-sebalek kemenangan itu sesunggoh-nya tersembunyi kegagalan yang sentiasa mengintai2.

Hendak-nya-lah kejayaan itu akan kita jadikan sabagai suatu perisai yang maha kebal pada menghadapi malang yang tidak berbau, kerana dari semua jumlah impot yang kita lakukan kebanyakan-nya ada-lah merupakan barangan utama yang perlu di-isi dan di-atasi.



GAMBAR atas menunjokkan Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib (kanan) sedang menyampaikan sijil kapada Pg Ibrahim bin Pengiran Jaya Petra Pg Haji Ahmad, salah sa-orang peserta yang mengikuti Kursus Perkhidmatan Kapada Awam yang telah di-adakan sa-lama dua hari pada 25hb Oktober yang lalu.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan telah di-hadhiri oleh 18 orang peserta dari sembilan buah jabatan.

# Senarai Harga Kereta

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi ajen penjual kereta Mercedes. PENIAGA2 BORNEO (BORNEO TRADERS) yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

## Peniaga2 Borneo (Borneo Traders)

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| MERCEDES BENZ Model : 200 W123 CBU factory fitted "BEHR" air-conditioner, tinted glass, arm-rest and head-rest | $36,630.00 | $37,590.00 |
| MERCEDES BENZ Model : 250 W123 CBU factory fitted "BEHR" air-conditioner, tinted glass, arm-rest and head-rest | $40,270.00 | $41,330.00 |
| MERCEDES BENZ Model : 280 W123 CBU factory fitted "BEHR" air-conditioner, tinted glass, arm-rest and head-rest | $44,850.00 | $45,990.00 |
| MERCEDES BENZ Model : 280S CBU factory fitted "BEHR" air-conditioner, tinted glass, arm-rest and head-rest | $50,300.00 | $51,550.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Jadual lawatan doktor udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah pun menyusun jadual lawatan rombongan perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ka-kampong2 pendalaman di-tiga daerah negeri ini bagi bulan Nobember ini.

Menurut jadual yang telah di-ator, rombongan tersebut akan melawat 14 buah kampong untok memberikan perkhidmatan perubatan kapada pesakit2 dan ibu2 yang mengandong.

Rombongan tersebut akan melawat enam buah kampong di-Daerah Tutong, lima di-Daerah Belait dan tiga di-Daerah Temburong.

Kampong2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Kampong Bukit pada hari ini 1hb Nobember, Kampong Benutan pada 8hb Nobember, Kampong Panchong pada 20hb Nobember, Kampong Ukong pada 21hb Nobember, Kampong Belabau pada 27hb Nobember dan Supon Besar pada 29hb Nobember.

Rombongan tersebut akan berada di-Kampong2 Baran dan Teraja di-ulu Belait pada 6hb Nobember. Lain2 kampong di-Daerah Belait yang akan di-lawati ia-lah Kampong Buau pada 7hb Nobember, Kampong Sukang pada 22hb Nobember dan Kampong Melilas pada 28hb Nobember.

Rombongan tersebut akan melawat ka-kampong Daerah Temburong pada 14hb Nobember di-Kampong Lopat, 15hb Nobember di-Kampong2 Biang Menengah dan Lamaling.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 26hb Oktober, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   (b) Suom Huat, No. 28, Jalan Sultan.
2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — $4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
   (b) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   (b) Fah Sen Company, No. 27, Jalan Pretty.
   (c) Chop Yee Seng, No. 46, Jaian Pretty.
   (d) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   (e) Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — $4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Guan Heng, No. 30-C, Jalan Pretty.
   (b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   (c) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow.

**SERIA**

1. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   (b) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — $4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   (c) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
   (d) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   (e) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb hingga 7hb Nob. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 1.11.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Serasa | 1.11.1978 | Rabu | 10.00–10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 1.11.1978 | Rabu | 10.45–11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 1.11.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T-Hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 2.11.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 2.11.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 " |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 4.11.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 4.11.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 " |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 4.11.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 " |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 6.11.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 " |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 6.11.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 " |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 7.11.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 7.11.1978 | Selasa | 10.30–11.30 " |

# RBMR marks CiC's birthday

MUARA. — The Royal Brunei Malay Regiment last Thursday celebrated the sixty-second birthday of Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, whose birthday was on September 23, is the Colonel in Chief of the regiment.

The celebration took the form of a parade and a demonstration of the regiment's fire power.

It started with an invitation for Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan to board the flagship of the First Flotilla, the KDB Waspada at the Bandar Seri Begawan wharf.

Escorted by three other patrol boats, the Duli Yang Teramat Mulia witnessed a demonstration of sea rescue involving a helicopter, a battle against a pirate ambush, clearing underwater mines and landing display.

On arrival at the First Flotilla base here, the Yang Teramat Mulia was greeted by a twenty-one gun salute. He then inspected a guard of honour.

This was followed by a tattoo and a ceremony known as mast manning which was the first ever staged in Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja, the British High Commissioner Mr Arthur Watson and the Yang Teramat Berhormat General Adviser to His Highness the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa were among the many dignitaries and senior government officials present at the celebration.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan (left) disembarking from the KDB Waspada followed by the Commander of RBMR Brigadier Dato Norman Roberts.

## Band performs in Bangar

BANGAR. — The Royal Brunei Police band held two concerts in the Temburong District last Friday.

The first performance took place at the town hall here at two thirty in the afternoon.

Two hours later the band performed on the nearby Sultan Hassan Secondary School padang.

The large crowds who turned up for the two performances were also entertained to comic sketches.



# RBMR officers receive medal, wings

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last Tuesday awarded an officer of the Royal Brunei Malay Regiment, Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Third Class at a ceremony held at Istana Darul Hana here (above).

Major Dale is a garrison engineer with the regiment.

At the same ceremony His Highness presented pilot's wings to Lieutenant Zainal bin Harun of the regiment's Air Wing, who recently qualified as a helicopter pilot.

The ceremony was witnessed by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, the Commander of the Regiment, Brigadier Dato Norman Roberts and other state dignitaries.

## Seminar on how to solve problems

BANDAR SERI BEGAWAN. — A four-day seminar to discuss a systematic approach to problems is currently being held at the Training Centre of the Establishment Department here.

The seminar the first of its kind organised by the Establishment Department is being attended by about twenty heads and assistant heads of departments.

It is conducted under the leadership of Brunei Shell's head of training section, Mr. Larry Wallace.

During the seminar the participants are shown how to understand and analyse problems and to overcome them systematically.

# DENTAL CONFERENCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — A Dental Conference will be held at the Churchill Memorial Building Lecture Theatre here this Friday starting at 9.00 a.m.

The conference, the second to be held in Brunei the last one being in 1976, will be declared open by the Acting Director of Medical Services, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.

It has been jointly organised by the Senior Dental Officer at the General Hospital here, Dr. Chin Yam Chin, Major D. Fleming-Jones from the Royal Brunei Malay Regiment and Dr. Alan Jones from the Brunei Shell Petroleum Company Limited.

About ninety delegates are expected to attend the conference which has been sponsored by the Dental Supply Houses in Singapore.

Speakers from abroad have been invited to address the conference. They are Dr. Wong Hee Deong from the Institute of Dental Health Singapore, Dr. Lim Swee Teck from Singapore University and Lieutenant Colonel K. Lervy, the Consultant in Dental Surgery at the British Military Hospital in Hong Kong.

Dr. Wong will give a talk entitled 'Preventive Surgery', Dr. Lim will be talking on aspects of 'Children's Dentistry' and Lt. Col. Lervy will be talking on 'Surgical Orthodontics'.

The programme will be completed by Dr. Alan Jones who will talk of his experiences while working among the Eskimos in Northern Canada.

## Stamps to mark human rights

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department is to issue a special set of postage stamps marking the 30th Anniversary of the Universal Declaration of Human Rights.

The stamps will be placed on sale in all post offices in the State on December 10.

They will be released in the 10c, 20c, and 75c denominations and on sale for a period of three months or until stock is exhausted.

# Agricultural Seminar

SINAUT. — A two-day seminar for senior agricultural officers from throughout the State, as well as those from the Education Department was held last week at the Sinaut Agriculture Station.

The seminar which was on Agriculture Education Training discussed nine topics on agriculture and better agriculture apprenticeship.

It was conducted by staff from the Agriculture Training Centre here and from other sections of the Agriculture Department.

Two experts from the Wolverhampton Polytechnic in England, Mr. John Low and Dr. Tony Buckle attended the seminar as observers.

## New SFC nearing completion

GADONG. — The new Sixth Form Centre here is nearing completion and some of its staff quarters have already been occupied.

The complex costing some twenty-four million dollars is spread over a seventy-acre area next to the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College.

When completed the complex will also have hostels for both boys and girls, a dining hall, a canteen, library, lecture theatres, laboratories and an administration block.

Form Six students who are presently studying at the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan in Jalan Muara are scheduled to move to their new building early next year.



The State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz seen above being greeted, was in the first group of pilgrims who returned home last week.

# Home after conference

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's representatives at the international drug law enforcement in Sri Lanka returned home last week.

They were the Controller of Immigration, Dato Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud, Superintendent of Police, Awang Yaakub bin Pehin Maharaja Diraja Awang Haji Zainal and the Assistant Superintendent of Customs, Awang Yusof Agaki bin Ismail.

The six-day conference was attended by about twenty-two countries in Asia and observers from the International Narcotics Control Board, Interpol, the Colombo Plan Bureau and the Customs Cooperation Council.

Topics discussed during the conference included the prevention of narcotics abuse and the problems of possession and pushing of drugs.

## Food hygiene seminar

KUALA BELAIT. — The Medical and Health Department, in a further attempt to promote hygiene, is holding a food hygiene seminar and exhibition at the Civic Centre here.

Taking part in the seminar which started on Monday and ends on December 2 are food handlers from all food and eating establishments in the district.

During the seminar, the participants attend lectures, hold discussions and watch demonstrations on the correct way of handling food.

The public can also go and see the exhibition.

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-14

DALAM keluaran minggu lepas, saya telah terangkan beberapa perengkat masa yang di-lalui oleh Mirza Ghulam Ahmad Al-Qadiani, antara-nya perengkat ia mula bersekolah, kemudian umor-nya 10 tahun dan 17 tahun mempelajari beberapa jenis ilmu, tetapi *tidak pernah berguru* dalam ilmu ugama, kechuali oleh2-nya sendiri sahaja hasil dari kegemaran-nya membacha dan mutala'ah.

Sedang period belajar terputus, kekuasaan Inggeris meluas hingga ka-*Punjab*, dan pemuda2 berlumba2. untok menjawat jawatan2 yang tinggi, maka keadaan ini mendorong pula Mirza Ghulam Ahmad untok menchari pekerjaan. Pergi-lah ia ka-*Sialkot* dan dapat pekerjaan di-sana di-pejabat Penolong Wakil Kedutaan, tetapi berhenti sa-lepas empat tahun kemudian, kerana mengikut kemahuan bapa-nya yang ingin menjadikan-nya pembantu-nya untok menguruskan urusan2 khas di-pejabat.

Dalam tahun 1876 bapa-nya jatoh sakit. Dan masa ini-lah Mirza Ghulam Ahmad mula mendakwa menerima wahyu daripada Allah. Wahyu itu memberi tahu bahawa bapa-nya akan meninggal sa-lepas terbenam matahari. Dakwaan tersebut telah di-tentang oleh orang2 Islam dengan hebat-nya. Lalu ia-nya berpindah ka-*Ludhiana* dan membuat pula satu kenyataan di-sini mendakwakan diri-nya jadi Nabi, Al-Masih Al-Muntadzar. Kali ini juga ia tidak di-biarkan begitu saja, bahkan terus di-tentang, terutama oleh Ulama2 Shari'ah. Di-antara Ulama2 tersebut terdapat nama2 saperti Maulavi Muhammad Hussein, tuan punya surat khabar *Isha'atus Sunnah*. Dalam usaha-nya ini Maulavi Muhammad Hussein telah memanggil Ulama2 supaya datang ka-*Ludhiana* untok mengadakan perdebatan terbuka dengan Mirza Ghulam Ahmad. Tetapi usaha-nya ini telah di-halang oleh pehak berkuasa pada masa itu, yang pada hakikat-nya memang menyebelahi Mirza Ghulam Ahmad. Halangan yang di-buat oleh pehak berkuasa ini sebenar-nya ada-lah suatu tektik bagi melindongi Qadianism supaya dapat terus hidup dan juga mempunyai peluang2 berkembang dengan baik.

Jadi oleh kerana perdebatan itu tidak dapat di-adakan, maka Maulavi Muhammad Hussein dan Ulama2 yang menyertai-nya pun tidak boleh berbuat apa2, melainkan dengan hati yang kesal meninggalkan sahaja *Ludhiana* pada hari itu juga.

Kemudian Mirza Ghulam Ahmad berpindah pula ka-*Delhi* menchari pengikut2-nya di-sana. Sa-bagaimana juga di-*Ludhiana*, ia juga di-tentang oleh Ulama2 dan umat Islam di-tempat tersebut. Mereka meminta-nya hadhir dalam satu majlis perdebatan terbuka supaya kelak dapat di-saksikan oleh orang ramai. Orang yang di-angkat mengetuai pasokan Ulama Islam ia-lah Maulavi Nazir Hussein, sa-orang maha-guru ilmu Hadith. Tetapi ajakan atau chabaran ini tidak di-jawab oleh Ghulam Ahmad. Sebalek-nya Mirza Ghulam Ahmad mengajak pula Maulavi Nazir Hussein supaya bersumpah tidak mengaku Nabi 'Isa Alaihissalam maseh hidup, dan jika dalam tempoh sa-tahun sesudah bersumpah itu, bala tidak juga turun, maka baharu-lah ia di-anggap berbohong atas dakwaan-nya itu (dakwaan menjadi Nabi).

Maulavi Nazir Hussein dan para Ulama lain-nya tidak menerima chadangan balas dari Mirza Ghulam Ahmad itu, sebab tidak ada faedah-nya berbuat yang demikian itu. Sa-lepas itu, munchul pula Maulavi Mahmood Bashir dari Bandar *Bhopal*, mengajak pendudok *Delhi* supaya bangun berdebat dan menentang Ghulam Ahmad.



**Mirza Ghulam Ahmad**

Dalam tahun 1892, Mirza Ghulam Ahmad pergi pula ka-*Lahore*, Pakistan. Dan di-sini terjadi-lah perdebatan di-antara-nya dan Maulavi Abdul Hakim. Empat tahun kemudian (1896), satu Muktamar yang di-beri nama *Muktamar Al-Adyan* (Kongres Ugama2) telah di-adakan di-*Lahore*, ia-itu atas inisiatif Mirza Ghulam Ahmad sendiri. Muktamar ini bertujuan menchari pengaroh dan merupakan satu usaha untok mendapatkan pengiktirafan dunia terhadap kenabian Ghulam Ahmad yang di-dakwakan-nya itu.

Dalam tahun 1897, Duta Turkey di-*Punjab*, Hussein Kaami telah mengundang Mirza Ghulam Ahmad untok mengadakan pertemuan dan dailog dengan-nya. Tetapi Ghulam Ahmad tidak menjawab undangan tersebut, kerana itu terpaksa-lah Duta Turkey itu sendiri datang menemui-nya. Sa-telah mendengar sendiri butir2 atau perkara yang di-dakwakan oleh Mirza Ghulam Ahmad, termasok dakwaan-nya menjadi Nabi, maka Duta ini telah menulis dalam akhbar *"LAHORE"* sa-buah kenyataan yang tegas lagi keras menyangkal dakwaan yang sesat itu, sa-hingga kesan-nya kapada orang2 Islam tempat itu menambahkan lagi kechaman mereka terhadap Ghulam Ahmad.

Mirza Ghulam Ahmad sa-telah merasa dan mendapati diri-nya sangat terok di-kecham, maka pada tahun itu juga (1897) telah membuat suatu siaran bertajok *"Perdamaian Itu Ia-lah Kebajikan"* yang di-tujukan kapada Ulama2 Islam. Siaran itu meminta Ulama2 tersebut supaya memberhentikan kechaman mereka terhadap-nya dalam masa sa-lama 10 tahun, sa-bagai peluang bagi-nya memboktikan kebenaran dakwaan-nya. Dalam jangka masa yang tersebut itu, akan dapat di-ketahui sa-mada ia sa-orang pembohong atau pun tidak, dan jika tidak, yakni jika terbokti ia benar, maka ada-lah *perdamaian* yang di-anjorkan-nya itu menjadi sebab kapada Ulama2 tadi mengetahui yang hak serta menjadi penyelamat mereka dari azab Allah kerana mendustakan-nya.

Tetapi Ulama2 Islam tidak memperdulikan chadang *perdamaian* yang tidak berfaedah itu. Ia tidak lebeh dari suatu penipuan untok menyekat umat Islam dari memerangi *Qadianism* yang sesat itu. Jika orang Islam menerima anjoran itu, bermakna suatu peluang kapada pemimpin2 Qadiani untok bergerak dengan bebas tanpa gangguan. Kerana itu, tindak balas Ulama2 atas chadangan ini, ia-lah melipat-gandakan lagi usaha2 membukakan kepalsuan2 ugama Qadiani di-samping mengingatkan orang ramai supaya terus bejaga2 dari terjebak ka-dalam perangkap-nya.

Memandangkan pendirian orang2 Islam yang tidak dapat di-gugat2 itu, lalu Mirza Ghulam Ahmad mengambil langkah yang lebeh keras dengan membawa ka-tengah perkara orang2 Islam yang mengecham-nya. Ia memberi tahu pehak berkuasa undang2, bahawa kekachauan dan pergolakan di-India pada masa itu, tidak lain, ada-lah berpuncha dari krisis2 ugama yang meruncing. Oleh kerana itu, tidak boleh tidak, satu peratoran atau undang2 membenarkan masing2 ugama menjalankan kegiatan2-nya dengan tidak di-ganggu oleh mana2 pehak hendak-lah di-buat.

Dalam tahun 1900, Mirza Ghulam Ahmad telah membena Masjid di-*Qadian*. Tetapi ada kumpolan orang2 Islam dari kalangan keluarga-nya sendiri telah mendirikan tembok di-hadapan masjid tersebut, sahingga menghalang untok sampai ka-masjid itu dengan mudah. Sebalek-nya jika hendak ka-masjid itu mesti-lah melalui jalan yang berpusing2 dan jauh. Mirza Ghulam Ahmad telah membawa sekali lagi perkara ini ka-tengah, dan result-nya Mahkamah telah memerentahkan supaya tembok itu di-roboh.

Dalam tahun 1901, di-bawah perlindongan undang2 India masa itu, Mirza Ghulam Ahmad melangkah sa-tapak lebeh berani lagi, ia-itu sa-telah mendapati tidak ada harapan untok berhasil menarek orang2 Islam ka-dalam perangkap *Qadianism*, lalu Ghulam Ahmad memerentahkan pengikut2-nya membuat *statistik* bilangan mereka yang ada, yakni penganut2 Qadiani, serta memasokkan nama2 mereka itu ka-dalam daftar rasmi. Berkata anak-nya, Mahmood Bashir: *Ada-lah pada tahun ini (1901) permulaan terpisah-nya orang2 Qadiani dengan orang2 Islam* (lihat buku Al-Harakat Al-Haddamah Al-Qadianiah muka surat 103).

(BERSAMBONG)

# KHUTBAH HARI RAYA HAJI

## *Membena suatu ketahanan diri oleh chinta yang mendalam*

PADA hari ini, saat ini, kita semua tahu apa yang sedang berlaku di-negeri Mekah, seluroh umat Islam dari serata dunia sedang melakukan pekerjaan meluntar, salah satu dari Wajib Haji, yang di-kerjakan dengan tenaga dan pengorbanan yang banyak. Biasa-nya tiga hari yang bertu-rut2 ini-lah banyak ujian dan kesukaran di-terima oleh para jemaah. Tetapi sunggoh pun begitu, tiga hari yang berturut2 ini pula, terbena-lah suatu ketahanan diri yang di-timbulkan oleh rasa chinta yang mendalam, sehingga dengan itu si-Muslim yang sepatut--nya lusoh dan lunti tadi menjadi hidup ligat, bersemangat dan tidak mengeloh, kerana chita2 kini hampir terchapai dapat menyempurnakan kewajipan menyahut panggilan suchi Allah ta'ala, yang di-jawab dengan suara yang tegoh dan yakin:

لبيك اللهم لبيك لبيك لا شريك لك لبيك ان الحمد والنعمة لك والملك لا شريك لك.

Erti-nya: *"Ini-lah hamba-Mu datang menyahut panggilan Mu ya Allah ya Tuhan-ku, hamba-Mu datang menyahut panggilan Mu! tidak ada sekutu bagi-Mu, sesunggoh-nya segala puji dan kerajaan itu ada-lah kepunyaan Engkau, Engkau yang tiada mempunyai sekutu!"*

Demikian-lah, barang siapa yang dalam hati-nya telah tertanam rasa chinta itu, maka gunong yang tinggi pun pasti di-daki, lautan luas di-renangi, dan pendek-nya apa jua rintangan pun tidak dapat lagi menghalangi-nya. Itu-lah dia wahai kaum Muslimin, sunat alam yang perlu dalam hidup, perlu ada pada sa-tiap Muslim, ia-itu kira-nya ia mahu jadi mujahid, jadi sa-orang pejuang yang bertenaga, yang berani dan sanggup berkorban.

Pada sa-tiap tahun negeri Mekah menjadi lambang dan tempat kaum Muslimin menchurahkan chinta kaseh itu, kaseh terhadap Allah dan ugama-Nya. Mengerjakan ibadat haji bagi yang berkuasa, ada-lah satu2-nya tanda dorongan chinta itu tidak dapat di-tahan2. Kerana jika tidak, bagaimanakah orang boleh sampai ka-sana meninggalkan segala rupa kesenangan yang ada? Meninggalkan keluarga dan anak pinak serta harta benda? Orang tidak lagi memikirkan susah, bilek sempit, tidur ber-susun2 dan berhimpit2. Kerana dorongan chinta terhadap Allah, Rasul dan Ugama Islam, semua kesulitan itu menjadi tidak bermakna lagi. Itu-lah dia pengorbanan suchi, jihad di-jalan Allah, dan suatu chara meninggikan shi'ar Ugama-Nya.

Allah huakbar, Allah huakbar, Allah huakbar.

Di-Tanah Suchi Mekah, kechintaan terhadap Allah itu bukan-lah beku, tetapi ibarat benih yang baik, ia tumboh dan terus membesar dengan tidak berhenti2. Semakin hari semakin rendang, berputek dan berdaun dengan chepat-nya.

Tahu-kah tuan, apa sebab-nya demikian? Sebab-nya dalam musim haji itu, perkara2 yang boleh mengingatkan orang kapada Allah ada-lah sepenoh2-nya di-lakukan. Lidah dan hati tidak berhenti2 dari bertasbih. Kaki dan tangan serta lain2 anggota semua-nya bekerja untok itu. Kerana itu-lah pada sa-tiap masa dan ketika, masjid penoh tumpat hingga melimpah ka-jalan2, dan di-sana orang bersujud, beri'tikaf dan membacha ayat2 Allah dengan tidak jemu2-nya, dengan tidak penat2-nya.

Allah huakbar, Allah huakbar, Allah huakbar.

Apa-kah pula hal-nya dengan kita yang tidak berada di-Mekah, yaani yang bukan dari jemaah haji? Apa-kah kita juga boleh menekmati kelazatan chinta yang demikian itu terhadap Allah? Jawab-nya: Ya boleh! tetapi mesti-lah juga melalui sebab dan chara tertentu. Sebab dan chara ini jika di-lazimkan, mesti kita akan dapat mengekalkan perasaan yang suchi itu buat selama2-nya.

Di-antara chara dan sebab2 itu ia-lah:

Lihat muka 5

# Kursus Amali Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh 120 orang yang terdiri daripada pelajar2 kelas2 dewasa Kor'an, persatuan2 belia dan kebajikan dan kakitangan Kerajaan di-seluroh negeri akan menyertai satu kursus Amali Al-Kor'an yang akan bermula pada Jumaat ini.

Kursus tersebut di-anjorkan bersama oleh Gabongan Pelajar2 Dewasa Kor'an Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Bomba, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-sini.

Kursus sa-lama lapan hari itu akan di-kendalikan oleh sa-orang pakar Kor'an dari Malaysia, Tuan Haji Hassan Azahri. Ia-nya termasok-lah chara2 pembachaan Kor'an dengan betul dan juga lagu. Cheramah2 yang berkaitan dengan-nya juga di-jangka akan di-sampaikan oleh beberapa pencheramah2 yang di-undang.




# ALLAH MENYUKAI ORANG2 BERSEH

SA-BAGAI ugama yang membawa kapada kehidupan yang sempurna dan sejahtera, maka Islam itu tidak-lah lalai dari menentukan dasar2-nya yang lengkap bagi mengator dan membentok umat-nya dengan pembentokan yang sejajar dengan fitrah kejadian. Ugama Islam telah menentukan dasar2 pembentokan budi pekerti, akal, anggota, masharakat yang kokoh, sehat dan kuat.

Di-antara dasar2 dan peratoran itu, ia-lah kewajipan memelihara kesihatan dan kebersehan. Sebab hanya orang yang berseh sahaja akan beroleh kesihatan, dan begitu pula hanya orang yang sehat sahaja yang beroleh tenaga dan kekuatan. Dan hanya yang memileki kedua2 sifat ini pula (sehat dan kuat), yang akan mampu memikul tugas2 berat dalam masharakat. Itu-lah guna-nya yang terang kesihatan dan kekuatan itu. Dan itu-lah pula hikmat Islam mewajibkan kebersehan atau kesuchian itu dalam banyak hal dan tempat, supaya umat ini sentiasa dalam kuat dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan keadaan yang sukar dan sulit.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah At-Taubah ayat 108 yang bererti: *"Dan Allah itu ada-lah menyukai orang2 yang berseh"*. Firman-Nya lagi dalam Surah Al-Muddasir ayat 4 yang bererti *"Dan pakaian mu itu bersehkan-lah"*.

Sementara Rasulullah s.a.w. pula bersabda yang bererti: *"Kebersehan itu sa-bahagian daripada iman"*.

Dari ayat2 Al-Koran dan Hadith Rasulullah s.a.w. itu, terang-lah kapada kita bagaimana Islam mengambil berat soal kebersehan itu. Sebab itu-lah terdapat hukum dan peratoran mengenai-nya, ia-itu saperti hukum Istinja, mandi, wudhu', memberus gigi, memotong kuku, memelihara rambut, janggut dan misai, berkhatan dan lain lagi. Semua itu, selain daripada berkaitan dengan ibadat, pahala dan dosa, juga untok kepentingan kesihatan manusia.

Maka berthabit dengan ini, kita sekarang berada dalam suasana kempen kesihatan dan kempen kebersehan, yang sama2 di-pelupori oleh jabatan2 berkenaan dalam Kerajaan. Kempen ini hendak-nya akan di-sambut oleh orang ramai dengan semangat kerjasama yang hangat, yang tidak akan padam, yang tidak habis sa-takat sa-minggu dua sahaja, jika kempen kebersehan ini umpama-nya, sa-takat ini, hanya berjalan di-tempat2 tertentu sahaja, tetapi semangat kita mendukong-nya biar-lah larat ka-serata pelusok negeri ini, samada di-dalam, atau di-luar bandar, di-rumah2 atau di-kedai2 atau di-pejabat2 dan hingga-lah ka-jalan2-raya. Supaya dengan itu kita tidak akan melihat lagi kelakuan yang tidak bertanggong-jawab orang2 membuang dan menjurit sampah di-merata-rata tempat, hatta di-tengah2 kereta atau lori sedang berjalan pun kita pernah melihat tin2 orange, melambong di-humbankan keluar melalui pintu kereta atau lori itu, dan apatah lagi sampah2 yang lebeh kechil saperti kulit2 pisang dan rambutan dan lain2 lagi.

Perkara seumpama ini sunggoh tidak manis, di-samping ia-nya berlawanan dengan ilmu akhlak dan ugama, juga ugama Islam menjanjikan pahala kapada si-Muslim yang berbuat kebajikan membersehkan jalan-raya dari duri atau ranjau atau sampah saraf yang semua itu bersifat menyakitkan mata dan pandangan dan juga boleh membahayakan. Chuba kita perhatikan sa-buah hadith Nabi ini, yang di-riwayatkan oleh Bokhari dan Muslim daripada Ibnu Umar yang bermaksud:

*"Pada suatu ketika ada sa-orang lelaki berjalan di-suatu jalan-raya, berjumpa sa-batang kayu berduri di-tengah2 jalan itu, lalu di-ambil-nya di-buang-nya ka-tempat lain. Maka Allah memberi terima kaseh kapada-nya dan mengampunkan dosa-nya."*

Demikian-lah, wahai kaum Muslimin! suatu chontoh yang telah di-tunjokkan oleh sa-orang hamba Allah, chontoh yang baik dalam perkara membuat kebajikan kapada jalan raya, membersehkan-nya dari duri atau kotoran atau sampah yang membawa bahaya itu, sehinggakan Allah sendiri mengu-chapkan terima kaseh kapada-nya dan mengampunkan dosa-nya. Chuba-lah kita fikir2kan dan teliti melalui chontoh ini.

# KEBAHAGIAAN MERUPAKAN NEKMAT DARI ALLAH

## Bingkisan minggu ini

RAMAI orang yang belum mengerti dan maseh bertanya-tanya apa-kah erti kebahagiaan yang sebenar-nya, bagaimana rasa-nya, apa-kah faktor2 yang terkandong di-dalam-nya dan bagaimana-kah jalan untok mendapatkan-nya. Pertanyaan2 serupa ini sentiasa saja bermain di-dalam benak kepala manusia. Ia-nya merupakan satu pertanyaan yang sukar untok di-jawab dengan tepat. Dan jestru erti kebahagiaan yang sebenar-nya itu akan dapat mempunyai tafsiran yang berbagai chorak.

Ada golongan yang berpendapat bahawa kebahagiaan itu akan dapat di-rasakan oleh sa-seorang dengan hanya memileki harta kekayaan yang bertimbun-timbun. Tetapi apabila pertanyaan itu kita kemukakan kapada mereka itu, maka mereka akan mengatakan yang mereka belum lagi dapat merasakan kebahagiaan hidup yang sebenar-nya. Jika pertanyaan ini di-ajukan kapada golongan yang hidup miskin mereka akan memberikan jawapan; 'mana-lah ada kebahagiaan dalam hidup kami dari golongan yang papa dan miskin ini, sedangkan hendak menchari sa-suap pagi dan sa-suap petang pun terpaksa membanting tulang yang empat kerat dan memeras keringat yang mengalir di-dalam-nya.'

Habis kalau sudah kedua-dua golongan ia-itu yang kaya dan miskin tidak mengakui ada-nya kebahagiaan dalam kehidupan mereka, maka kita harus-lah menchari di-mana letak-nya kebahagiaan itu yang sebenar-nya. Ini-lah satu persoalan yang amat rumit untok di-persoal jawabkan.

Sebenar-nya kebahagiaan itu hanya terletak di-dalam jiwa sa-tiap manusia yang tidak mempunyai perasaan tamak atau haloba kapada nekmat2 yang di-korniakan oleh Allah s.w.t. kapada orang lain. Dan lagi ia akan merasa insaf melihat nasib burok dan penderitaan yang di-alami oleh orang lain. Dia akan segera menjadi sa-orang yang bersifat pemurah dan sedia menghulorkan derma bantuan terhadap saudara2-nya yang bernasib malang itu. Perasaan hati-nya akan merasa bahagia sa-telah dia dapat membahagiakan sa-bahagian daripada nekmat yang di-korniakan Allah kapada-nya itu, untok menolong saudara2-nya yang sedang menghadapi kesusahan. Hati-nya juga akan di-penohi dengan perasaan tenteram sa-telah di-dengar-nya uchapan terima kaseh, yang keluar dari bibir orang yang menerima bantuan daripada-nya itu, kemudian di-dengar-nya pula semua mulut memuji-muji atas sikap kemurahan-nya itu.

Segala kata2 pujian dan sanjongan yang di-uchapkan orang kapada-nya itu di-sambut dan di-terima dengan penoh rasa keinsafan tanpa menunjokkan perasaan megah dan bangga diri. Ini-lah di-antara sifat2 manusia yang tahu menghargai dan menshukori nekmat2 Allah yang di-korniakan kapada-nya. Manusia dari golongan ini-lah yang telah di-janjikan Allah dalam firman-Nya yang maksud-nya kira2: *"Jika kamu menshukori akan nekmat Ku, neschaya akan Aku tambahi nekmat itu tetapi jika kamu mengkufuri akan nekmat Ku sesunggoh-nya azab dan siksaan Ku terlalu pedih."*

Ketika itu jua akan terlintas-lah di-fikiran kita, ini-lah rahsia dan hikmat yang terselindong di-sebalek firman Allah tersebut, kerana rasa kebahagiaan dan ketenteraman jiwa sa-seorang itu ada-lah merupakan nekmat tambahan yang di-korniakan Allah kapada sa-tiap manusia yang benar2 menshukori nekmat Allah.

Apabila hati sa-seorang itu berasa puas dan bangga dengan uchapan terima kaseh orang kapada-nya, maka dia akan berasa hidup-nya paling bahagia dan hati-nya paling tenteram. Pada ketika itu baru-lah ia menyedari di-mana letak dudok-nya rasa kebahagiaan hidup sebenar-nya yang selama ini di-unjar-unjar-nya di-merata-rata tempat.

Tetapi azab yang di-janjikan Allah kapada golongan manusia yang kufur akan nekmat Allah itu, sa-bagaimana yang di-terangkan di-dalam ayat tersebut, bukan-lah saja akan merasakan azab Neraka tetapi perasaan bimbang ragu, churiga, takut dan keloh kesah yang mempengarohi jiwa sa-seorang itu. Juga ada-lah merupakan azab bathin yang sentiasa menyiksa hati dan menganggu fikiran sa-seorang yang menjadikan jiwa-nya tertekan sa-olah2 dia hidup dalam satu jurang penyeksaan.

# Membena suatu ketahanan diri oleh chinta yang mendalam

Dari muka 4

(1) Melazimkan diri membacha kitab suchi Al-Kor'an serta memahamkan isi dan maksud-nya. Sa-tiap ayat dari Al-Kor'an, walaupun yang menerangkan mengenai berbagai2 masaalah dan kejadian, tetapi inti dan tujuan pokok-nya ada-lah menyatakan tentang keagongan dan kebesaran Allah, kerana itu, manakala sa-seorang tidak pernah mogok dari membacha dan mendalami Al-Kor'an, pasti bagi-nya akan timbul rasa chinta itu terhadap Allah.

(2) Memperbanyakkan zikir (mengingati Allah) dengan hati dan lidah, dan dengan amal perbuatan yang di-sukai Allah. Jangan sampai hendak-nya dalam hidup ini, pernah sahari suntok berlalu begitu sahaja apa-tah lagi jika berhari2 atau berminggu2 atau berbulan2, kita tidak pernah mengingat Allah, tidak pernah menyebut nama-Nya. Ini ada-lah suatu benchana kapada orang Islam, benchana yang tidak kechil, tetapi serius.

Kerana itu, mari-lah kita biasakan menyebut nama Allah pada sa-tiap ketika, kita lazimkan membacha سملة

"بسم الله الرحمن الرحيم"

sebelum memulai sa-tiap pekerjaan. Dengan ini kita akan beroleh keberkatan, dan perlu di-ingat, bahawa keberkatan itu bukan-lah boleh kita beli dari kedai atau lain2 tempat. Kedua menyebut

حمدلة "الحمد لله"

sebaik2 sahaja selesai membuat pekerjaan. Dan

استغفار "استغفر الله"

ia-itu manakala kita merasa berdosa melakukan sesuatu kesalahan. Dan lain2 kalimat zikir saperti

سبحان الله، الله اكبر، لااله الا الله، ولاحول ولاقوة الا بالله.

semua itu kita sebut dengan berulang2 dengan niat zikir (mengingati Allah). Apabila ini di-lakukan, inshaAllah, akan tidak ada lagi erti gersang dalam hati tuan, tetapi sebalik-nya, hati tuan-lah tanah yang subor, yang menumbohkan rasa chinta kaseh itu dengan amat rendang-nya.

(3) Sentiasa-lah tuan memperjuangkan kebaikan, menegakkan yang hak dan menentang yang batil. Tundokan hawa nafsu dan nyalakan pelita akal. Kerana dengan ini sahaja kita nampak dengan terang nekmat dan rahmat Allah itu. Orang yang nampak nekmat dan rahmat Allah dengan mata hati-nya, itu-lah dia orang2 yang tidak di-ragui kerinduan-nya terhadap Allah.

(4) Asoh dan paksa diri tuan mematohi hukum halal, haram, jangan pileh kelazatan yang semata2 hanya di-rasakan oleh hati, tetapi jadikan-lah hukum Ugama itu menguasai hati tuan, memimpin hidup tuan, tolong tegakkan hukum Allah, sokong dan bekerja-lah ka-arah itu, neschaya tuan akan berjaya, chinta tuan akan berbalas, yaani tuan pasti akan di-kasehi Allah, dan bahkan di-jamin akan di-beri-Nya pertolongan. Ya, apa-kah yang lebeh hebat dan besar dalam hidup ini dari mendapat pertolongan langsong dari Allah?.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Nobember, 1978 hingga ka-hari Selasa 28hb Nobember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Nob. | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 23hb Nob. | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 24hb Nob. | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 25hb Nob. | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 26hb Nob. | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 27hb Nob. | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 28hb Nob. | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin tahun ini telah menerima satu penghormatan meriah dari anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sempena menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan yang ke-62 tahun.

Perayaan menyambut hari keputeraan tersebut telah di-langsongkan di-Markas Angkatan Laut Pertama AMDB di-Muara pada petang dan malam hari Khamis yang baru lalu.

Berangkat ka-Markas tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah di-sambut dengan menaiki kapal ronda pasokan itu KDB WASPADA yang telah menunggu di-tambatan Kastam Diraja Brunei dan membawa Duli Yang Teramat Mulia kira2 jam 3.40 petang dengan di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Pasokan AMDB, Brigadier Dato Norman Robert, Pegawai Pemerentah Angkatan Laut AMDB Lt Kol. T. Wilts dan pegawai2 kanan KDB Waspada.



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin ketika menyampaikan wang shiling khas kapada L/Kopral Hamzah bin Abdul Rahman yang telah berjaya menaiki tiang kapal yang merupakan salah satu persembahan menyambut Hari Jadi Duli Yang Teramat Mulia itu di-padang kawat Markas Angkatan Laut Pertama.

# PENGHORMATAN MERIAH UNTOK HARI JADI DYTM PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

Sepanjang perjalanan tambatan Angkatan Laut Pertama Duli Yang Teramat Mulia telah di-pertunjokkan dengan berapa kekuatan senjata oleh pasokan Angkatan Laut yang telah sedia menunggu di-sepanjang perayeran dengan beberapa buah kapal peronda dan perahu pasokan itu.

Antara lain pertunjokkan itu termasok satu gerakan menyelamat yang melibatkan penggunaan sa-buah pesawat helikopter dari Chawangan Udara AMDB, tektik2 menentang serangan hendap oleh gerombolan lanun, gerakan membersehkan bom2 periok, api dalam ayer dan pertunjokkan chara2 penggunaan kapal pendarat.

Sebaik2 sahaja KDB Waspada yang membawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menghampiri tambatan Angkatan Laut AMDB dengan di-iringi oleh kapal2 peronda dan bot2 ronda, tembakan meriam sabanyak 21 das telah di-lepaskan.

Duli Yang Teramat Mulia sa-terusnya di-junjong untok memereksa satu perbarisan yang terdiri dari kira2 60 orang anggota pasokan Angkatan Laut Pertama yang sedia menanti ketibaan KDB Waspada di-tambatan itu kira2 pukul 5.30 petang.

Dari tambatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah di-junjong ka-Bangunan Mess Pegawai Angkatan Laut yang baru yang letaknya di-hujong sa-belah timor markas pasokan berkenaan untok merasmikan pembukaan-nya. Di-bangunan itu Duli Yang Teramat Mulia telah di-bawa melawat2 kedudokan bahagian dalam bangunan itu dan sa-belum beredar ka-Rumah Pegawai Pemerentah Angkatan Laut, Duli Yang Teramat Mulia telah menurunkan tanda-tangan ka-buku lawatan bangunan itu.

Dari rumah Pegawai Pemerentah pasokan sa-telah sempurna menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib, Duli Yang Teramat Mulia sekali lagi berangkat ka-padang kawat untok menyaksikan pertunjokkan menaiki tiang bendera yang di-ambil bahagian oleh 21 orang anggota Angkatan Laut yang di-kepalai oleh L/Kopral Hamzah bin Abd Rahman yang telah menaiki tiang kapal yang di-bena di-padang kawat tersebut.

Di-pertunjokkan yang di-adakan di-padang kawat yang turut di-ambil bahagian oleh Pasokan Pancharagam AMDB di-bawah perentah Lt Abd Manaf bin Haji Khamis, Duli Yang Teramat Mulia kemudian-nya telah menyampaikan wang shilling khas kapada L/Kopral Hamzah yang telah menaiki tiang kapal yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini.

Upachara sambutan pada hari itu telah di-meriahkan dengan jamuan makan malam yang di-langsongkan di-Kelab Marina Angkatan Laut. Turut hadhir di-sambutan pada malam itu termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg Arthur Watson dan isteri; Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM serta Datin; Pegawai Pemerentah Pasokan AMDB, Brigadier Dato Norman Robert, pegawai2 kanan AMDB dan jemputan khas.

Sa-lepas jamuan makan malam upachara memotong kek Hari Jadi kemudian-nya telah di-potong oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-bantu oleh Pegawai Pemerentah AMDB. Sa-telah itu Pegawai Pemerentah Angkatan Laut Lt. Kol. T. Wilts pula memberikan uchapan alu2an dan penghargaan atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu ka-upachara tersebut yang di-susuli pula dengan penyampaian hadiah kenang2an yang berupa sa-batang tongkat kayu yang di-sampaikan oleh Pegawai Pemerentah Angkatan Laut.

Kemudian-nya sambutan telah di-akhiri dengan pertunjokkan kebudayaan yang di-sampaikan oleh anak2 Pasokan Angkatan Laut serta anggota. Terdahulu dari itu sa-belum berangkat untok menekmati jamuan makan malam Duli Yang Teramat Mulia telah sempat juga di-junjong untok mendengar taklimat perkembangan Pasokan Angkatan Laut di-Pejabat Pegawai Pemerentah pasokan itu yang di-sertai juga oleh YTB Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah juga berkenan menurunkan tanda-tangan di-buku lawatan di-Mess Pegawai pasokan itu sebaik2 sahaja selesai merasmikan pembukaan-nya.




DENGAN menaiki kapal ronda KDB WASPADA yang sedia menunggu di-tambatan Kastam Diraja ibu negeri DYTM Paduka Seri Begawan Sultan telah di-sambut oleh Pegawai Pemerentah AMDB, Brigadier Dato Norman Robert dan Pegawai Pemerentah Angkatan Laut Pertama Lt. Kol. T. Wilts.





SA-TIBA di-tambatan Pasokan Angkatan Laut di-Muara Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan pula untok memereksa perbarisan kehormatan yang di-berikan oleh anggota pasokan tersebut.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 22HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Charlie X"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RICH MAN POOR MAN — Episod 19
Billy Albott mengaku di-hadapan Rudy bahawa dia-lah yang mengkhianati-nya dan merosakkan kes-nya menentang Estep. Sementara itu, di-Las Vegas, Wes dan Ramona telah bersatu.
7.24 AZAN ISHA
7.28 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.00 BEWITCHED — "How Green Was My Grass"
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 SHOW OF THE WEEK — "David Soul and Friends"
David Soul, di-ketahui juga kapada peminat2-nya sa-bagai Hutch di-dalam siri2 "Starsky and Hutch" menjayakan komidi muzikal ini. Tetamu2-nya termasok penyanyi Donna Summer dan pelakon British Ron Moody.
9.50 PERLAWANAN GUSTI
10.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 23HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS "The Volcano"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 VALLEY OF THE DINOSAURS sambongan
6.30 DR WHO "Robot" — Episod pertama
Siri2 baharu empat bahagian. Di-dalam ranchangan pertama, Doktor yang hampir2 mati, memulakan untok menghasilkan diri-nya kembali, apabila perawakan ketika ia lahir bertukar.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HOW THE WEST WAS WON
Sambongan cherita keluarga Macahan dan kehidupan mereka di-Barat.
7.24 AZAN ISHA
7.28 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 DOKUMENTARI MELAYU : "Venezuelan Prairie"
Pengambaran kehidupan liar di-Venezuela, perhiasan burong2 yang luas dan mengkagumkan, semut pemanjat pokok2, rusa chantek Venezuela dan monyet2 mendengking berwarna merah.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 24HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 CLOPPA CASTLE — "The Bruda Banger"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



SAPERTI biasa pada hari Juma'at jam 5.45 petang adek2 akan dapat mengikuti siri CLOPPA CASTLE. Pada minggu ini pula CLOPPA CASTLE membawa tajok "The Bruda Banger". Dalam episod ini kita dapat menyaksikan di-mana Permaisuri memerintahkan Penchipta Diraja (Cue-ee-Dee) untok menchipta kereta perang tanpa di-tarek oleh kuda. Kesudahan-nya ada-lah amat mengemparkan. Dia memberi tahu Penjaring Diraja (Mudkin) untok memberikan perhatian-nya terhadap perkara itu di-dalam mimpi yang istemewa, berkenaan dengan masa hadapan di-mana dia telah melihat kereta perang yang berjalan dengan sendiri-nya. Cue-ee-dee telah di-perentahkan untok menjadikan mimpi itu benar.

Kemudian, pertukulan dan penumbokkan2 yang besar2an dapat di-dengar dari bilek-nya dan tiba masa-nya, chiptaan-nya pun sedia. Chiptaan-nya ada-lah kesenangan kapada Elbow (Penjaga Peribadi Diraja) dan jaga2-nya, tetapi telah memeranjatkan Beosweyne, pengancham yang telah melihat bahawa pagar2 telah di-buka demi saja Permaisuri melonchat ka-dalam kereta perang, dan mendapati ini ada-lah peluang yang besar untok melanggar kota tersebut. Tetapi dia dan orang2-nya telah masok dengan keadaan ketakutan apabila mereka ternampak kereta perang yang mengkagumkan.

Begini-lah keadaan kereta perang yang berjalan dengan sendiri-nya tanpa di-pandu oleh kuda yang akan dapat adek2 saksikan dalam siri CLOPPA CASTLE bertajok "The Bruda Banger".

MALAM

7.10 TELEMATCH
7.24 AZAN ISHA
7.28 TELEMATCH — sambongan
8.00 ODD MAN OUT "Sink or Swim"
8.30 MAJALLAH BERITA
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 QUINCY — "Let Me Light The Way"
10.20 NIGHT GALLERY
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 25HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE LOST ISLANDS — "Mysterious Stranger"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 CHILDREN'S FEATURE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOCTORS' HOSPITAL "Vital Signs"
7.24 AZAN ISHA
7.28 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.00 GURAU SENDA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 STARSKY AND HUTCH
9.35 PREMIER SOCCER
10.25 TAYANGAN MALAM SABTU — "Rogue Male"
Sa-lepas perang dunia kedua, Peter O'Toole berlakun sa-bagai sa-orang aristokrat British yang zalim dan sa-belum-nya sa-orang pembunoh — yang telah di-atorkan untok membunoh Hitler.
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 26HB. NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Kira2"
5.45 DAISY DAISY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Viking Helmet"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.00 PROJECT U.F.O.
Menyambong siri2 terbaharu kami yang mencheritakan kes2 rasmi dari fail2 buku Projek Biru, Yunit Pasokan Udara yang di-atorkan untok menyelideki penglihatan2 U.F.O.
7.25 AZAN ISHA
7.29 PROJECT U.F.O. — sambongan
8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUZIK MUZIK MUZIK
9.30 ANNA KARENINA — Episod ke-enam
10.05 THE COLLABORATORS — "Whatever Happened to Candy ?"
Sa-orang wanita yang telah hilang, yang berkahwin dengan anak sa-orang hakim telah membuat Brewer dan Erickson untok menyiasat di-mana mereka terlibat dengan adat2 lama voodoo.
10.55 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 27HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "A Most Precious Gift"
Charles Ingalls telah di-paksa untok menjadi bidan apabila isteri-nya, Caroline, melahirkan anak lebeh awal daripada yang di-sangkakan.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LOU GRANT
7.25 AZAN ISHA
7.29 LOU GRANT — sambongan
8.00 KEBUN KITA
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 HAWAII FIVE O — "Young Assassins"
9.50 WINGS — "Speaking From Experience"
10.40 SIARAN TAMAT.



**DAVID Soul, selain dari menjadi sa-orang pelakun (yang di-kenali oleh peminat2-nya sa-bagai "Hutch" dalam siri "Starsky and Hutch") ada-lah juga sa-orang penyanyi dan dia menjayakan komidi muzikal sa-lama satu jam ini. Bersama2-nya ia-lah penyanyi Donna Summer, pelakun lelaki British Ron Moody, pelakun wanita Lynne Marta dan lain2 lagi. Soul mempunyai hit persendirian dan album "HIT" di-dalam "Rock Field", yang mana memperkenalkan-nya lebeh2 lagi di-antara kaum2 muda yang mengikuti rajah2 rekod-nya. Salah satu lagu-nya yang paling terkenal dalam ranchangan ini ia-lah "Silver Lady". Selain daripada itu dia akan berpadu suara dengan Lynne Marta dalam lagu mereka "Black Bean Soup". Jangan lupa untok mengikuti muzikal istemewa ini pada hari Rabu jam 9.00 malam.**

## SELASA — 28HB. NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.48 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The Mystery of the Hollywood Phantom" — Bahagian 2.
7.25 AZAN ISHA
7.29 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 MAJALLAH BERITA
9.00 ARENA SOKAN —
Minggu ini Arena Sokan akan membawa para penonton untok mengikuti Seminar Bolasepak anjoran FIFA dan Coca Cola.
9.40 THE PROFESSIONALS — "Private Madness, Public Danger"
10.30 DOCUMENTARY : World of Survival : "Search for the Shinohara"
Cherita perjumpaan sa-buah kapal selam Pasokan Tentera Laut Diraja Jepun 169, yang telah tenggelam salama 30 tahun, dan juga di-kenali sa-bagai 'Shinohara'.
11.20 SIARAN TAMAT.

# LAHIRKAN ANAK TEMPATAN JADI JURULATEH TANG SOO DO

## — Father Philip Than

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Persatuan Tang Soo Do Brunei, Father Philip Than, melahirkan harapan-nya pada suatu hari nanti jurulateh Tang Soo Do di-negeri ini akan terdiri dari anak2 tempatan untok mengambil aleh jurulateh yang di-datangkan dari luar negeri.

Ketika di-tanya kegiatan Persatuan Tang Soo Do, Father Philip Than menerangkan yang persatuan-nya telah mengadakan latehan Tang Soo Do bertempat di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan ia-itu pada hari2 Selasa, Khamis dan Sabtu (tiga kali dalam sa-minggu) mulai jam 7.30 hingga 9.00 malam.

Pada masa ini ahli2 Persatuan Tang Soo Do Brunei lebeh 400 orang, tidak termasok ahli2 yang belajar Tang Soo Do di-Askar Melayu Diraja Brunei, tegas-nya.

Pelita di-fahamkan untok memasoki latehan Tang Soo Do itu, hanya di-kenakan bayaran permulaan sa-banyak $20 dan bayaran bulanan sa-banyak $15; berbanding dengan bayaran memasoki latehan Tang Soo Do di-Amerika sa-banyak $30 (Ringgit Amerika) dengan bayaran pendahuluan sa-lama 6 bulan.

"Persatuan Tang Soo Do Brunei ini juga akan memberikan bantuan samada berupa mata-benda atau moral kapada sesiapa yang berkehendakkan bantuan", jelas Father Philip Than lagi.

Persatuan Tang Soo Do Brunei, mendapat tempat ke-empat dalam achara berpasokan perlawanan Tang Soo Do Antarabangsa yang telah di-langsongkan di-Watford dekat London, yang baru lalu. Perlawan Tang Soo Do Antarabangsa seterus-nya akan di-langsongkan di-Amerika dalam tahun 1980. Peserta Tang Soo Do Brunei telah memperolehi pingat perak dan gangsa di-samping piala dalam pertandingan antarabangsa itu.

Father Philip menyatakan sukachita-nya atas kejayaan ahli2 Tang Soo Do Brunei di-pertandingan antarabangsa; sunggohpun Brunei sa-buah negeri dengan pendudok-nya yang kechil, tambahan pula seni Tang Soo Do baru saja di-perkenalkan di-Brunei sejak 1974, berbanding dengan di-negeri sa-belah Eropah yang menyertai pertandingan tersebut.

Father Philip Than mengharapkan supaya banyak lagi belia2 di-negeri ini menyertai persatuan dan latehan Tang Soo Do, sa-bagai suatu chabang latehan jasmani.



**PIALA berpasokan hadiah yang ke-empat yang telah di-perolehi oleh peserta Tang Soo Do Brunei dalam pertandingan Tang Soo Do Antarabangsa. Piala ini telah di-hadiahkan oleh Kesatuan Persekutuan Tang Soo Do, Amerika yang juga sa-laku penganjor pertandingan.**



**GAMBAR kenang2an sekembali-nya peserta2 dari Persatuan Tang Soo Do Brunei, yang telah mengambil bahagian di-pertandingan Tang Soo Do Antarabangsa yang lalu. Berdiri di-tengah2 ia-lah Yang Dipertua Tang Soo Do Brunei, YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Col. Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Naib Yang Dipertua, Pengiran Radin bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad; Setia Usaha, Father Philip Than (berkacha mata hitam) dan Jurulateh, Awang Han Eung Kyo (di-kanan YAM).**



**GAMBAR kiri kelihatan Awg. Sui Boon Ong, peserta Tang Soo Do dari Brunei telah di-istiharkan menang oleh pengdil sa-telah beliau menewaskan peserta dari Greece, di-pertandingan Tang Soo Do Antarabangsa yang lalu, dalam achara berpasokan.**

**Sa-banyak 8 buah negara yang mengandongi 30 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Awang Han Eung Kyo (6 DAN) berasal dari Korea, ia-lah jurulateh Persatuan Tang Soo Do Brunei.**

# LAWATAN BELIA2 KA-SARAWAK



**BERGAMBAR ramai (kenang2an) ini di-ambil ketika rombongan belia dari Majlis Belia2 Brunei (MBB) sa-jurus sa-belum bertolak ka-Kuching, untok mengadakan lawatan muhibbah ka-Sarawak, yang baru lalu.**

**Lawatan sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh MBB. Sa-masa di-Kuching, mereka menjadi tetamu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.**

**Sa-lama lawatan itu mereka telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarek, di-samping mereka juga sempat mengadakan beberapa perlawanan bolasepak dan sepak-takraw sa-chara persahabatan dengan pasokan2 tempatan.**

# Panduan main Chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Stewart Wavell, juara pemain chator Brunei tahun 1978 ini, memperkenalkan panduan main chator, untok peminat2 chator tanah ayer. Artikal beliau berhubong dengan main chator itu mulai kita keluarkan minggu ini dan minggu2 berikut-nya di-halaman Belia dan Sokan, muka 12.

Ketika di-tanya samada beliau akan mengambil bahagian di-kejohanan chator terbuka, sempena Istiadat Menandatangani Tarikh Kemerdekaan Brunei, beliau dengan tersenyum dan menggeleng2kan kepala-nya sambil berkata perlahan2 "Saya tidak mengambil bahagian dalam pertandingan itu kerana memberi kesempatan kapada pemain2 chator muda kita."

Kejohanan Chator Terbuka tersebut telah di-langsongkan di-Pusat Belia sejak 19hb Nobember (Ahad lepas).

# PERKASA anjor B-sepak 7 orang sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKASA akan menganjorkan satu perlawanan bolasepak bagi belia2 yang berumor 17 tahun ka-bawah. Perlawanan 7 orang sa-pasokan itu merupakan projek tahunan kedua persatuan tersebut.

Perlawanan itu akan di-adakan pada penghujong bulan Disember, 1978 depan dan ia-nya terbuka hanya kapada pendudok2 Kampong Ayer sahaja.

Borang2 bagi menyertai perlawanan itu boleh di-dapati dari sekarang dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 5hb Disember, 1978 kapada nama2 tersebut:— Awg. Ismail bin Haji Zainal, Pejabat Bandaran, BSB; Awg. Suhaili bin Haji Ahmad, Kampong Saba Tengah, BSB; Awg. Mohd Zain bin Ja'afer, Jabatan Kesihatan dan Perubatan. Awang Hussin bin Serudin, Pejabat Letrik, BSB; Awang Shahran bin Pengarah Haji Maidin, Pejabat Penerbangan Diraja (RBA); Awang Abu Bakar bin Kassim, Kampong Saba Darat 'A'; Awang Mohd Ya'akub bin Haji Chuchu, Pejabat Kewangan, BSB dan Awang Lakim bin Tinggal, Pejabat Undang2, BSB.

# BADMINTON DI-SOKAN ASIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Badminton Kebangsaan Negeri Brunei sa-kali lagi di-minta untok menyertai pertandingan badminton di-Sokan Asia yang akan di-langsongkan di-Bangkok mulai 9hb hingga 20hb Disember depan.

Sa-orang juruchakap Persekutuan Badminton Sa-Dunia menyatakan bahawa walaupun di-saat2 terakhir permohonan Brunei untok menyertai pertandingan itu, ia-nya masih di-terima.

# GAMBAR2 ACHARA KURANG TERANG

KAMI telah menerima beberapa gambar achara sokan untok di-muatkan di-dalam ruangan Belia dan Sokan ini. Dan ada di-antara gambar2 yang di-maksudkan itu kurang terang (kabor) maka-nya kami dukachita tidak dapat memuatkan-nya. Bagaimana pun, chuba dan chuba lagi mengirimkan gambar2 achara sokan yang lebeh bermutu dan kerjasama peminat ruangan ini sangat2 di-harapkan — **Pengelola ruangan Belia dan Sokan.**

BELIA DAN SOKAN

# MAIN CHATOR—PERMAINAN DIRAJA

*DI-TULIS oleh Awang Stewart Wavell, juara chator Brunei tahun ini, yang akan memperkenalkan Main Chator kapada orang2 baru dalam permainan ini. Artikal ini akan bersambong sa-tiap minggu sa-lama sa-tahun dan pembacha2 di-minta mengumpulkan-nya, mempelajari-nya dengan teliti, dan membuat latehan2 yang di-sarankan. Tujuan-nya ada-lah untok mengembangkan kepandaian awda ka-perengkat standard Kelab — Pengarang.*

MAIN chator merupakan satu permainan di-mana sa-buah negeri kechil dapat mengatasi serta mengalahkan pemain2 terbaik di-dunia. Dalam Munich Olympiad pada tahun 1936 negeri kechil Latvia mendapat nombor keenam jauh mengatasi negara2 besar saperti Peranchis, Brazil, Australia, Itali, Belanda dan Norway. Olympiad ke-23 baharu sahaja selesai di-Buenos Aires yang di-sertai oleh tidak kurang daripada 62 buah negara. Ini-lah satu2-nya perlawanan di-mana pemain2 muda dari Monaco, Guernsey, Kepulauan Virgin, Andorra, Kepulauan Faroe, malahan dari Pulau Cyprus dapat mempertarongkan kepandaian mereka melawan grandmaster perkasa, saperti Anatoly Karpov, juara dunia, dan tiga orang bekas juara dunia, dan lebeh daripada 100 grandmaster dari pusat2 main chator agong di-dunia.



Awang Stewart Wavell.

Main chator yang buat beberapa kurun merupakan hak istemewa golongan diraja, sekarang ada-lah sokan dunia yang terchepat pertumbohan-nya dengan perkembangan-nya yang terbesar di-dunia ketiga. Mithal-nya, terdapat tidak kurang daripada 4 juta pemain chator yang berdaftar di-Filipina di-mana baru-baru ini pertarongan untok merebut mahkota juara dunia telah berlangsong di-Bandaraya Bagui di-antara Karpov dengan Korchnoi.

Main chator ada-lah meluas di-mainkan di-dua puloh buah negara Amerika Latin. Berjuta-juta memainkan-nya di-Amerika Sharikat, Soviet Russia, Eropah Timor dan Eropah Barat, negara2 Arab dan sekarang mendapat galakan rasmi di-China.

Mungkin bukan-lah suatu kebetulan yang pasokan pertama China yang bertolak dari China untok mengambil bahagian dalam perlawanan antarabangsa ada-lah di-hantar oleh Pemerentahan baru Teng Hsiao Ping yang tujuan utamanya ada-lah perkembangan chepat teknoloji. „Negara2 Komunis mensifatkan main chator suatu chara paling chepat untok melateh anak2 muda memainkan peranan mereka dalam revolusi teknologi. Di-kalangan negara2 bukan-komunis pandangan yang sama sedang berkembang. Di-negara Singapura yang hebat dan mara itu, Lee Kuan Yew telah mempelawa semua guru memperkenalkan main chator kapada murid2 mereka. "Ia ada-lah satu permainan", kata-nya "di-mana anak2 muda dapat belajar berfikir".

Dr. Max Euwe, Yang Di-pertua Persekutuan Chator Dunia, melaporkan tahun lepas mengenai satu eksperimen yang di-jalankan oleh Menteri Pelajaran Ghana. Dia mengambil sa-ratus orang penuntut yang sama kebolehan-nya, mengajar lima puloh orang daripada mereka bermain chator, dan kemudian membandingkan keputusan2 pepereksaan mereka pada penghujong tahun. Lima puloh orang penuntut yang di-ajar main chator itu telah mendapat keputusan yang lebeh baik dalam semua mata-pelajaran mereka daripada mereka yang tidak di-ajar main chator!

Penemuan ini membuktikan kebenaran apa yang sudah kerap di-perkatakan tentang main chator sa-bagai satu kaedah latehan fikiran. Main chator mengajar awda chara menyusun pemikiran, chara menganalisa sa-suatu kedudokan, dan chara meranchang. Ia mengajar mengenai inisiatif dan imaginasi. Ia mengembangkan ingatan dan kuasa pemusatan fikiran awda. Ia mengerasi awda supaya bersabar. Ia mengajar kearifan menahan-diri sambil dalam masa yang sama mengumpulkan semua tenaga untok menchapai matalamat awda. Ia mengajar rendah-diri kerana awda akan kalah dalam banyak permainan tetapi untok sa-tiap kekalahan awda akan mempelajari sa-suatu daripada kekalahan yang awda lakukan itu.

Terdapat banyak kelab chator di-Brunei. Di-Bandar Seri Begawan terdapat sa-buah kelab yang berkumpul pada tiap-tiap pagi Ahad di-kantin Pusat Belia. Pusat Tingkatan Enam telah mengasoh beberapa orang pemain berbakat yang akan chepat meningkatkan taraf permainan mereka apabila memasoki perlawanan2 yang hebat saperti yang terdapat di-Britain. Seria juga mempunyai sa-buah kelab yang kuat. Tetapi kemajuan permainan chator di-Brunei maseh jauh untok di-chapai. Saya ragu yang kita tidak dapat mengharapkan sebarang kemajuan besar dalam permainan chator di-Brunei sa-hingga Brunei mempunyai Pusat Chator-nya sendiri, bangunan-nya sendiri yang lengkap dengan sa-buah dewan permainan untok perlawanan, meja2 melekat yang tetap, papan2 tunjok-ajar yang sa-baik-baiknya menggunakan kuasa letronik, bilek2 kuliah yang berasingan di-mana pakar2 chator membuat ulasan sa-masa permainan sedang berjalan dan tidak di-dengar oleh pemain2; almari2 berkunchi untok menyimpan sa-hingga 100 set chator dan papan-chator, jam chator dan kad markah; sa-buah kedai kechil yang menjual buku2 mengenai permainan chator, dan sa-buah perpustakaan di-mana pemain2 dapat meminjam buku2 mengenai semua sudut permainan itu. Sa-orang Pengelola Main Chator ada-lah perlu untok mengelolakan perlawanan dan ranchangan2 latehan yang bertugas sa-bagai tumpuan inspirasi.

Saperti yang telah saya katakan, semua itu maseh jauh untok di-chapai. Ia bergantong pada memenohi bagaimana Brunei meletakkan kepentingan permainan itu. Walau bagaimana pun, buat sementara itu kita dapat melateh lebeh banyak lagi orang muda dalam permainan chator. Kepintaran bermain chator ada-lah sa-bahagian daripada tradisi Brunei. Kita mempunyai orang2 yang berminat dalam permainan chator saperti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddien, dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setiausaha Kerajaan Brunei. Beberapa orang Yang Di-Muliakan Pehin juga bermain chator.

Artikal2 yang berikut-nya, pada tiap-tiap minggu, ada-lah untok orang2 yang baharu bermain chator sahaja. Walau pun begitu, untok tidak menghampakan pemain2 chator yang lebeh berpengalaman, saya akan mengemukakan satu masaalah tiap-tiap minggu, dan huraian-nya akan di-terbitkan dalam *Pelita Brunei* terbitan berikut-nya.

(BERSAMBONG)

## Pengharaman mengimpot binatang2 ternakan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pertanian Brunei awal bulan ini telah mengistiharkan pengharaman bagi pengimpotan atau membawa masok semua jenis binatang ternakan termasok ayam dan hasil2 ternakan saperti susu mentah dan daging dari mana2 juga kawasan di-Malaysia.

Pengharaman tersebut di-buat berikutan terdapat-nya laporan2 dari Malaysia yang mengatakan satu jenis penyakit yang menyerang bahagian mulut dan kaki binatang2 kerbau dan lembu baru2 ini.

Menurut kenyataan dari Jabatan Pertanian itu lagi pengharaman demikian ada-lah sa-bagai satu langkah berjaga2 demi untok melindongi binatang2 ternakan tempatan dari dijangkiti oleh penyakit tersebut yang boleh mendatangkan kerugian besar kapada para penternak.

Dengan pengharaman yang di-keluarkan itu ada-lah di-ingatkan kapada mana2 pehak yang mengimpot binatang2 ternakan yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian sa-belum pengharaman ini di-istiharkan ada-lah dengan sendirinya di-batalkan sa-hingga ka-satu masa yang di-umomkan kemudian.



PASOKAN guru2 SMM Muhd Alam Seria, menjadi Johan di-perlawanan bolatampar sempena 10 tahun Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.—Kiriman Ahmad bin Hassan.

## Menyampaikan chenderamata

PESUROHJAYA Pulis Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg Haji Rajid, telah menyampaikan chenderamata2 kapada lapan orang pegawai pulis yang telah bersara baru2 ini di-satu majlis yang di-langsongkan di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 13hb Nobember lepas.

Antara mereka yang turut hadhir di-upachara itu ia-lah Penolong Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Umar dan lain2 pegawai kanan pulis. Majlis tersebut juga di-adakan sempena sambutan Hari Raya Haji.

Gambar kanan kelihatan Pesurohjaya Pulis Brunei, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya sedang menyampaikan chendera-mata kenang2an kapada Sgt Major Awang Abdul Hamid di-majlis tersebut.



## Pendaftaran Trengkas, Menaip

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pendaftaran untok memasoki Kelas Trengkas dan Menaip di-Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas telah di-buka pendaftaran-nya mulai 15hb Nobember, 1978 sa-hingga pertengahan bulan Disember 1978 depan.

Penuntut2 yang ingin berhajat untok memasoki kelas tersebut boleh-lah mendapatkan borang pendaftaran daripada Penyelia Pelajaran Dewasa, Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas atau guru2 kelas perdagangan di-sekolah tersebut pada waktu2 hari Jumaat dan Ahad antara jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb Disember, 1978.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH KUALA BELAIT DAN SERIA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah Kuala Belait dan Seria, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Tingkatan II.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang pernah berkhidmat sebagai Penyelenggara Setor Bergaji Hari di-Jabatan Kerajaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

2. PENGAWAS KECHIL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal sukat menyukat tanah.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mahir mengetahui kedudokan kampong2 di-Daerah Belait termasok-lah pendalaman (Ulu Belait).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

3. OPERATOR MESIN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu Klas II yang di-akui sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam Bahasa Melayu.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu mesin jenis Wheel Loader atau Shovel.

d) Pemohon2 yang mempunyai lisen memandu Klas V di-samping Klas II ada-lah di-utamakan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440/ EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Disember, 1978.

(E/1032/78 — Bil: 123/1978)

## TENDER NOTICE

**AIRCRAFT INSURANCE FOR HAWKER SIDDELEY RS748 AIRCRAFT—ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT**

